

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 12 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pandangan pihak Kementerian dalam menangani pencerobohan berterusan agensi penguatkuasa negara asing di Laut China Selatan dan tindakan pihak Kementerian dalam melindungi hak Malaysia di Laut China Selatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Bendera di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Pendirian Negara

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan Malaysia tegas dalam komitmennya untuk mempertahankan kedaulatan dan hak kedaulatannya di dalam perairan negara, termasuk di Laut China Selatan.

3. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu berkaitan Laut China Selatan merupakan isu yang kompleks berikutan tuntutan-tuntutan bertindih. Oleh yang demikian, isu ini perlu dikendalikan secara menyeluruh dan setiap tindakan yang diambil oleh Kerajaan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif.

SOALAN NO : 30

4. Dalam hal ini, Malaysia komited untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan Laut China Selatan secara konstruktif, menggunakan forum dan saluran diplomatik yang sesuai. Pendirian negara juga telah disuarakan secara konsisten di platform-platform antarabangsa dan serantau seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan ASEAN.

5. Untuk makluman Sidang Dewan Yang Mulia, semasa sesi pertemuan di antara saya dengan pihak Menteri Luar Negeri Republik Rakyat China pada 13 Oktober 2020 yang lalu juga, saya telah menyuarakan sekali lagi pendirian Malaysia ini kepada pihak Republik Rakyat China. Pihak Republik Rakyat China juga bersetuju supaya isu berkaitan Laut China Selatan ini diselesaikan secara diplomasi bagi mengelakkan sebarang ketegangan dan ketidakstabilan di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Pemantauan Berterusan

6. Kementerian, bersama-sama dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sentiasa komited dan memberikan perhatian yang khusus terhadap keselamatan di kawasan perairan negara. Tindakan yang diambil termasuklah rondaan, pengawasan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan secara berterusan, untuk memastikan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa terpelihara.

Sidang Dewan Yang Mulia,

7. Kerajaan Malaysia tetap tegas dalam melaksanakan komitmen untuk menjaga kedaulatan dan hak kedaulatan negara. Kerajaan sentiasa mengambil pendekatan berhati-hati bagi mengelakkan sebarang tindakan yang boleh menyebabkan insiden yang tidak diingini berlaku atau meningkatkan ketegangan, dengan izin “escalation”, di kawasan perairan tersebut.

8. Sehubungan itu, saya ingin menegaskan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa Nota Bantahan Diplomatik merupakan hanya salah satu kaedah di mana Malaysia menyuarakan bantahan atau pendirian

SOALAN NO : 30

kepada mana-mana negara asing berhubung isu-isu spesifik. Selain daripada itu, Kerajaan turut menyuarakan pendirian atau bantahan kepada negara-negara lain dalam platform-platform dua hala, serantau dan antarabangsa. Tindakan tersebut juga adalah selaras dengan undang-undang antarabangsa dan pendirian Malaysia yang mempertahankan hak tuntutan perairan negara daripada sebarang pencerobohan.

9. Untuk menangani sebarang ketegangan di perairan tersebut seperti yang dialami pada tahun ini, pendekatan diplomasi yang konsisten dan berkesan amat diperlukan. Untuk makluman Sidang Dewan Yang Mulia, isu tersebut telah berjaya diselesaikan secara aman tanpa sebarang penggunaan kekerasan atau tindakan ketenteraan yang boleh menggugat keamanan rantau ini.

Tuan Yang Dipertua,

10. Selain itu, sebagai langkah untuk memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China juga telah memeterai Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC)* pada 4 November 2002.

11. Buat masa ini, negara-negara ASEAN dan China sedang merundingkan Kod Tatalaku di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Code of Conduct in the South China Sea (COC)*. COC dilihat sebagai satu kod tatacara untuk mengelakkan konflik dan ketegangan di Laut China Selatan. Ianya adalah tanpa prejedis terhadap tuntutan wilayah dan maritim negara masing-masing.

12. Dalam melaksanakan rundingan COC tersebut, Malaysia sentiasa memastikan bahawa COC yang akan dirundingkan tidak sekali-kali mengetepikan kedaulatan dan hak kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.